


Newspaper	MALAYSIAKINI
Date	29 JUNE 2016

Pak Lah: Parti baru Muhyiddin tak beri saingan pada Umno

📅 29 Jun 2016, 8:51 pagi 📄 29 Jun 2016, 10:51 pagi



Rancangan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu meneruskan perjuangannya dengan menyertai parti politik lain atau menubuhkan parti baru tidak akan memberi saingan kepada Umno, kata bekas perdana menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

"Sokongan masih kuat... belum boleh sampai, kekuatan ada pada Umno," katanya ringkas kepada pemberita selepas ditemui pada majlis berbuka puasa anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di ibunegara malam tadi.

Turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi yang juga Penasihat GPMS Datuk Seri Idris Jusoh dan Presiden GPMS, Zambri Mohd Isha.

Pada Ahad lepas, Muhyiddin dalam satu sidang media bersama Datuk Mukhriz Mahathir menyatakan hasrat meneruskan perjuangannya menerusi platform politik baru.

Bagaimanapun kedua-dua mereka tidak menyatakan secara terperinci mengenai platform baharu itu, sama ada menyertai parti politik lain atau menubuhkan parti baru.

Ditanya mengenai dakwaan Muhyiddin yang beliau sebenarnya seorang ahli yang setia pada parti, Abdullah berkata: "Sekiranya dia baik, dia akan tetap berada dalam Umno,"